

السلام عليكم

الْحَمْدُ لِلَّهِ!!! الْحَمْدُ لِلَّهِ الَّذِي أَرْسَلَ رَسُولَهُ بِالْهُدَىٰ وَدِينِ الْحَقِّ لِيُظْهِرَهُ عَلَى الدِّينِ كُلِّهِ وَلَوْ كَرِهَ الْمُشْرِكُونَ أَشْهَدُ  
أَنَّ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَأَشْهَدُ أَنَّ سَيِّدَنَا مُحَمَّدًا عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ وَبَارِكْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ  
وَأَصْحَابِهِ وَمَنْ تَبِعَهُمْ بِإِحْسَانٍ إِلَى يَوْمِ الدِّينِ ...أَمَّا بَعْدُ.....  
فَيَا عِبَادَ اللَّهِ! اتَّقُوا اللَّهَ حَقَّ تَقَاتِهِ وَلَا تَمُوتُنَّ إِلَّا وَأَنْتُمْ مُسْلِمُونَ...

Wahai hamba-hamba Allah ! Bertaqwalah sekalian kamu kepada Allah dengan sebenar-benar taqwa. Dan Janganlah kamu mati melainkan dalam keadaan Islam.

Saya menyeru diri saya sendiri dan juga sidang Jumaat sekalian agar kita sama-sama meningkatkan ketaqwaan kita kepada Allah dengan melakukan segala suruhanNya dan menjauhi segala yang ditegahNya.

Sidang Jumaat yang dihormati sekalian

Firman Allah dalam ayat 40 surah al-Ankabut :

فَكَرًّا أَخَذْنَا بِذَنبِهِ فَمِنْهُمْ مَّنْ أَرْسَلْنَا عَلَيْهِ حَاصِبًا وَمِنْهُمْ مَّنْ أَخَذَتْهُ الصَّيْحَةُ وَمِنْهُمْ مَّنْ خَسَفْنَا بِهِ الْأَرْضَ  
وَمِنْهُمْ مَّنْ أَغْرَقْنَا وَمَا كَانَ اللَّهُ لِيُظْلِمَهُمْ وَلَكِنْ كَانُوا أَنْفُسَهُمْ يَظْلِمُونَ ﴿٤٠﴾

Maksudnya : Maka masing-masing Kami binasakan dengan sebab dosanya, iaitu di antaranya ada yang Kami hantarkan angin ribut menghujannya dengan batu; dan ada yang dibinasakan dengan letusan suara yang menggempakan bumi; dan ada yang Kami timbuskan dia di bumi; dan ada pula yang Kami tenggelamkan di laut. Dan (ingatlah) Allah tidak sekali-kali menganiaya mereka, akan tetapi merekalah yang menganiaya diri sendiri.

Kini kita berada dipenghujung tahun 2018 di mana beberapa hari lagi bakal menyambut tahun baru 2019 Masihi. Perubahan hari bertukar minggu, minggu bertukar bulan dan bulan bertukar tahun mengingatkan kita bahawa semakin hampirnya kita kepada saat kematian dan semakin dekatnya dunia dengan qiamat. Beradanya kita pada bulan terakhir iaitu Disember turut mengetuk hati kita tentang banyak peristiwa besar berkaitan musibah yang menguji umat manusia seperti Tsunami Aceh 2004, banjir besar pantai Timur 2014 dan terbaru beberapa hari lepas berlaku tsunami gunung berapi yang sudah meragut lebih 400 nyawa di Anak Krakatau yang berada di tengah Selat Sunda antara kepulauan Jawa dan Sumatera, Indonesia

Alam berbicara dengan berlakunya bencana atas arahan Allah bukan perkara baru kerana umat manusia sebelum ini pernah menghadapinya terutama umat yang

kufur dan melawan Allah dan rasulNya termasuk Raja Namrud, Firaun, Qarun, kaum Ad, kaum Thamud, kaum Saba' dan lain-lain. Jadilah ia sebagai pengajaran menginsafkan Sidang Jumaat yang dirahmati Allah S.W.T,

Firman Allah dalam ayat 19 surah Yaasin :

قَالُوا طَائِرُكُمْ مَعَكُمْ ۗ أَيْنَ ذُكِّرْتُمْ ۗ بَلْ أَنْتُمْ قَوْمٌ مُّسْرِفُونَ ﴿١٩﴾

Maksudnya : Rasul-rasul itu menjawab: "Nahas dan malang kamu itu adalah disebabkan (kekufuran) yang ada pada kamu. Patutkah kerana kamu diberi peringatan dan nasihat pengajaran (maka kamu mengancam kami dengan apa yang kamu katakan itu)? (Kamu bukanlah orang-orang yang mahu insaf) bahkan kamu adalah kaum pelampau"

Al-Quran dan hadis nabi banyak membicarakan tentang punca atau sebab datangnya bala bencana daripada Allah ke atas umat manusia antaranya : **[1]** akibat kekufuran dan keenggaran mereka kepada Allah dan rasulNya. Kita dapat saksikan banyak berlaku bencana alam termasuk tsunami akibat adanya perbuatan syirik termasuk melakukan amalan memuja pantai dan sebagainya

Begitu juga merebaknya penyakit merbahaya seperti hiv Aids akibat LGBT, zina. Oleh itu kita menentang sekerasnya cadangan untuk mengedar kondom percuma atas alasan golongan remaja hari ini susah untuk disekat daripada berzina. Kerajaan sepatutnya lebih bersungguh menutup pintu zina dari segi pergaulan bebas dan memperkasakan Mahkamah Syariah termasuk menghukum penzina dengan hukum Islam. Kita juga menyokong hasrat kerajaan Kelantan untuk mengawal remaja perempuan agar tidak berpeleseran pada waktu malam bagi menjaga maruah dan keselamatan.

Sidang Jumaat yang dirahmati Allah S.W.T,

Firman Allah dalam ayat 59 surah al-Qosas :

وَمَا كَانَ رَبُّكَ مُهْلِكَ الْقُرَىٰ حَتَّىٰ يَبْعَثَ فِي أُمَمٍ رَسُولًا يَتْلُو عَلَيْهِمْ آيَاتِنَا ۗ وَمَا كُنَّا مُهْلِكِي الْقُرَىٰ إِلَّا وَأَهْلِهَا ظَالِمُونَ ﴿٥٩﴾

Maksudnya : Dan tidaklah menjadi kebiasaan Tuhanmu membinasakan mana-mana negeri sebelum Ia mengutus ke ibu negeri itu seorang Rasul yang akan membacakan kepada penduduknya ayat-ayat keterangan Kami; dan tidaklah Kami membinasakan mana-mana negeri melainkan setelah penduduknya berlaku zalim.

[2] Turunnya bala Allah akibat manusia melakukan kezaliman dengan melakukan maksiat termasuk hanyut dengan hiburan yang melampau, pesta arak, pendedahan aurat, meninggal solat, suburnya amalan riba, rompakan, pembunuhan. Kejahatan akan bertambah akibat kejahilan apatah lagi dirasuk dengan fahaman liberal yang menganggap bahawa agama untuk amalan peribadi semata-mata bukannya tugas kerajaan sehingga timbul golongan yang mengeluarkan suara sumbang membantah usaha kerajaan Terengganu yang mahu mengambil tindakan kepada rakyat yang meninggalkan solat. Sebagaimana suara sumbang yang menentang tindakan kerajaan Kelantan yang mengambil tindakan kepada terutama peniaga beragama Islam yang mendedah aurat

قال: فِي هَذِهِ الْأُمَّةِ حَسْفٌ وَمَسْخٌ وَقَذْفٌ . فَقَالَ رَجُلٌ مِنَ الْمُسْلِمِينَ: يَا رَسُولَ اللَّهِ ، وَمَتَى ذَاكَ ؟ قَالَ : إِذَا ظَهَرَتْ الْقَيْنَاتُ وَالْمَعَارِفُ وَشُرِبَتِ الْخُمُورُ – رواه الترمذي

Maksudnya: Berlaku pada umat ini, gempa bumi, diubah menjadi rupa makhluk lain dan fitnah. "Seorang laki-laki dari kaum muslimin bertanya : " Wahai Rasulullah ! bila berlaku perkara itu? Sabda nabi: "Apabila semakin banyak nyanyian dan alat-alat muzik dan minum arak.

Sidang Jumaat yang diberkati Allah S.W.T,

Firman Allah dalam ayat 16 surah al-Isra' :

وَإِذَا أَرَدْنَا أَنْ نُهْلِكَ قَرْيَةً أَمَرْنَا مُتْرَفِيهَا فَفَسَقُوا فِيهَا فَحَقَّ عَلَيْنَا الْقَوْلُ فَنَدَمْنَاهَا تَدْمِيرًا ﴿١٦﴾

Maksudnya : Dan apabila sampai tempoh Kami hendak membinasakan penduduk sesebuah negeri, Kami perintahkan (lebih dahulu) orang-orang yang melampau dengan kemewahan di antara mereka (supaya taat), lalu mereka menderhaka dan melakukan maksiat padanya; maka berhaklah negeri itu dibinasakan, lalu kami menghancurkannya sehancur-hancurnya.

[3] Turunnya bala Allah akibat kezaliman yang dilakukan oleh golongan yang berkuasa terutama pemimpin yang menipu rakyat, rasuah, pecah amanah. Golongan kaya yang menipu dalam perniagaan demi mengejar keuntungan tanpa mengira halal haram. Golongan kaya yang tidak mahu mengeluarkan zakat yang dianggap membebankan. Tidak terlepas golongan Ulama yang bisu dalam menegur perkara yang hak akibat mengejar habuan dunia.

Firman Allah dalam ayat 25 surah al-Anfal :

وَاتَّقُوا فِتْنَةً لَا تُصِيبَنَّ الَّذِينَ ظَلَمُوا مِنْكُمْ خَاصَّةً ۖ وَاعْلَمُوا أَنَّ اللَّهَ شَدِيدُ الْعِقَابِ ﴿٢٥﴾

Maksudnya : Dan jagalah diri kamu daripada (berlakunya) dosa (yang membawa bala bencana) yang bukan sahaja akan menimpa orang-orang yang zalim di antara kamu secara khusus (tetapi akan menimpa kamu secara umum). Dan ketahuilah bahawa Allah Maha berat azab seksaNya.

**[4]** Turunnya bala Allah akibat orang soleh hanya berdiam diri melihat kemungkaran yang berlaku. Kerja amar makruf nahi mungkar diabaikan sehingga masalah aqidah termasuk isu pendakwah Kristian yang menjalankan dakwah terus berjalan tanpa tindakan tegas. Masalah sosial dipandang sepi. Oleh itu kerja penting ini mesti diperkasakan di semua peringkat termasuk dengan memperkasakan pendidikan Islam di sekolah dan university agar masyarakat Islam yang buta agama dapat diubah. Suara yang ingin mengurangkan pengajian Islam di sekolah wajib ditentang habis-habisan. Kita tidak mahu lagi mendengar ramai pelajar sekolah walau pun sudah baligh tetapi tidak pandai solat, tidak tahu mengucap 2 kalimah syahadah dan bacaan wajib dalam solat. Jangan tiru perangai penjajah yang sengaja menghalang lepasan pengajian agama daripada memegang jawatan penting

قال الرسول : مِنْ أَشْرَاطِ السَّاعَةِ أَنْ يَقِلَّ الْعِلْمُ وَيَظْهَرَ الْجَهْلُ وَيَظْهَرَ الرِّبَا وَتَكَثُرَ النِّسَاءُ وَيَقِلَّ الرِّجَالُ حَتَّى يَكُونََ لِخَمْسِينَ امْرَأَةً الْقَيْمِ الْوَاحِدُ - رواه البخاري

Maksudnya : Antara tanda qiamat itu ialah ilmu agama sedikit, kejahilan semakin jelas, perbuatan zina dilakukan terang-terang, jumlah perempuan cukup ramai manakala jumlah lelaki berkurangan sehingga bandingan 50 orang perempuan dijaga oleh seorang lelaki

Sidang Jumaat yang diberkati Allah S.W.T,

Firman Allah dalam ayat 41 surah ar-Ruum :

ظَهَرَ الْفَسَادُ فِي الْبَرِّ وَالْبَحْرِ بِمَا كَسَبَتْ أَيْدِي النَّاسِ لِيُذِيقَهُمْ بَعْضَ الَّذِي عَمِلُوا لَعَلَّهُمْ يَرْجِعُونَ ﴿٤١﴾

Maksudnya : Telah timbul berbagai kerosakan dan bala bencana di darat dan di laut dengan sebab apa yang telah dilakukan oleh tangan manusia; (timbulnya yang demikian) kerana Allah hendak merasakan mereka sebahagian dari balasan perbuatan-perbuatan buruk yang mereka telah lakukan, supaya mereka kembali (insaf dan bertaubat).

**4]** Turunnya bala Allah akibat kerosakan akibat maksiat dan juga pengkhianatan terhadap alam termasuk memusnahkan hutan simpan, tempat tadahan hujan, pembangunan di lereng bukit yang membahayakan, pencemaran sungai dan laut serta banyak lagi kerosakan terhadap alam yang dilakukan oleh umat manusia yang menyebabkan berlakunya bencana alam

Sidang Jumaat yang diberkati Allah S.W.T,

Firman Allah dalam ayat 155-157 surah al-Baqarah :

وَلَنَبْلُوَنَّكُمْ بِشَيْءٍ مِّنَ الْخَوْفِ وَالْجُوعِ وَنَقْصٍ مِّنَ الْأَمْوَالِ وَالْأَنْفُسِ وَالثَّمَرَاتِ ۗ وَبَشِّرِ الصَّابِرِينَ ﴿١٥٥﴾ الَّذِينَ إِذَا أَصَابَتْهُمُ مُصِيبَةٌ قَالُوا إِنَّا لِلَّهِ وَإِنَّا إِلَيْهِ رَاغِبُونَ ﴿١٥٦﴾ أُولَئِكَ عَلَيْهِمْ صَلَوَاتٌ مِّن رَّبِّهِمْ وَرَحْمَةٌ ۗ وَأُولَئِكَ هُمُ الْمُهْتَدُونَ ﴿١٥٧﴾

Maksudnya : Demi sesungguhnya! Kami akan menguji kamu dengan sedikit perasaan takut (kepada musuh) dan (dengan merasai) kelaparan, dan (dengan berlakunya) kekurangan dari harta benda dan jiwa serta hasil tanaman. Dan berilah khabar gembira kepada orang-orang yang sabar: (Iaitu) orang-orang yang apabila mereka ditimpa oleh sesuatu kesusahan, mereka berkata: "Sesungguhnya kami adalah kepunyaan Allah dan kepada Allah jualah kami kembali." Mereka itu ialah orang-orang yang dilimpahi dengan berbagai-bagai kebaikan dari Tuhan mereka serta rahmatNya; dan mereka itulah orang-orang yang dapat petunjuk hidayahNya.

Namun begitu ada juga bala yang diturunkan oleh Allah bukan disebabkan kekufuran, maksiat atau perbuatan khianat sebaliknya ia bagi meningkatkan keimanan orang beriman serta sebagai menambah pahala atas kesabaran

Begitulah juga bila kita perhatikan betapa ramai manusia yang kufur dan bergelumang dengan maksiat tetapi Allah tidak turunkan bala bencana kepada mereka bukan disebabkan Allah sayang kepada mereka sebaliknya ia adalah 'istidraj' iaitu pemberian untuk melalaikan diri mereka sehingga mereka dimatikan dalam keadaan kufur dan tidak bertaubat kepada Allah. Mereka diberikan kesenangan dunia sebelum diazab oleh Allah di alam kubur dan seterusnya akhirat nanti

Firman Allah dalam ayat 15-16 surah Hud :

مَنْ كَانَ يُرِيدُ الْحَيَاةَ الدُّنْيَا وَزِينَتَهَا نُوفِّ إِلَيْهِمْ أَعْمَالَهُمْ فِيهَا وَهُمْ فِيهَا لَا يُبْخَسُونَ ﴿١٥﴾ أُولَئِكَ الَّذِينَ لَيْسَ لَهُمْ فِي الْآخِرَةِ إِلَّا النَّارُ ۗ وَحَبِطَ مَا صَنَعُوا فِيهَا وَبَاطِلٌ مَّا كَانُوا يَعْمَلُونَ ﴿١٦﴾

Maksudnya : Sesiapa yang keadaan usahanya semata-mata berkehendakkan kehidupan dunia dan perhiasannya (dengan tidak disaksikan sama oleh Al-Quran tentang sah batalnya), maka Kami akan sempurnakan hasil usaha mereka di dunia, dan mereka tidak dikurangkan sedikitpun padanya. (15) Merekalah orang-orang yang tidak ada baginya pada hari akhirat kelak selain daripada azab neraka, dan pada hari itu gugurlah apa yang mereka lakukan di dunia, dan batalah apa yang mereka telah kerjakan.

بَارَكَ اللَّهُ لِي وَلَكُمْ فِي الْقُرْآنِ الْعَظِيمِ وَنَفَعَنِي وَإِيَّاكُمْ بِمَا فِيهِ مِنَ الْآيَاتِ وَالذِّكْرِ الْحَكِيمِ وَتَقَبَّلَ مِنِّي وَمِنْكُمْ تِلَاوَتَهُ  
إِنَّهُ هُوَ السَّمِيعُ الْعَلِيمُ وَاسْتَغْفِرُ اللَّهُ الْعَظِيمُ لِي وَلَكُمْ وَلِسَائِرِ الْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ  
فَاسْتَغْفِرُوهُ يَا فَوْزَ الْمُسْتَغْفِرِينَ يَا نَجَاةَ التَّائِبِينَ